

D.R. 14/96

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pasaran Getah Malaysia
(Perbadanan) 1962.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan
nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat
yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa
daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pasaran Getah
Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1996.

Tajuk ringkas
dan mula
berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh
yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam
Warta,

2. Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962, yang
disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam
seksyen 2—

Pindaan
seksyen 2
Akta 402

(a) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai
subseksyen (1);

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan takrif "Board" dengan takrif yang berikut;

' "Board" means the Malaysian Rubber Board established under the Malaysian Rubber Board (Incorporation) Act 1996;'

(ii) dengan memasukkan selepas takrif "by-laws" takrif yang berikut:

' "Chairman" means the Chairman of the Corporation appointed under section 12(3);'

(iii) dengan memasukkan selepas takrif "Corporation" takrif yang berikut:

' "Deputy Chairman" means the Deputy Chairman of the Corporation appointed under section 12(4);'

(iv) dengan memotong takrif "Directors";

(v) dengan memasukkan selepas takrif "Deputy Chairman" takrif yang berikut:

' "Management Committee" means the Management Committee established under section 17 of the Malaysian Rubber Board (Incorporation) Act 1996;'

(vi) dalam takrif "register" dengan menggantikan perkataan "pursuant of" dengan perkataan "pursuant to";

(vii) dengan memotong takrif "regulations";

(viii) dengan menggantikan takrif "rules" dengan takrif yang berikut:

' "rules" means the rules made under section 14;'; dan

(ix) dalam takrif "Secretary" dengan menggantikan perkataan "pursuant to the rules" dengan perkataan "under this Act"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

Act (2) This Act shall be read and construed as one with the Malaysian Rubber Board (Incorporation) Act 1996.

Act (3) In the event of any inconsistency occurring between the provisions of the Malaysian Rubber Board (Incorporation) Act 1996 and the provisions of this Act, the provisions of that Act shall prevail."

3. Subseksyen 3(4) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Director" dengan perkataan "person". Pmdaan seksyen 3.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 5.

Income of Corporation. 5. (1) The income of the Corporation shall accrue to the Board.

(2) Subsection (1) shall not prevent the payment or repayment of remuneration or expenses to any officer or servant of the Corporation or to any Member thereof in return for services rendered to the Corporation."

5. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 6.

(a) dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan "regulations" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "rules";

(b) dengan memotong perenggan (b), (e) dan (f);

- (c) dalam perenggan (g) dengan menggantikan perkataan "regulations" yang terdapat selepas perkataan "bye-laws and" dengan perkataan "rules"; dan
- (d) dengan memotong perenggan (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q) dan (r).

Pindaan
seksyen 7.

6. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(b) dengan memasukkan selepas perkataan "Ordinary Members" perkataan ", Associate Members"; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (2).

Pemotongan
seksyen 8.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 8.

Penggantian
seksyen 12.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan seksyen yang berikut:

Manage-
ment and
administra-
tion of
Corpora-
tion.

12. (1) All the powers of the Corporation shall be vested in and be exercisable by the Board except in so far as the same are by this Act or by the rules expressly required to be exercised by the Corporation in a general meeting or authorised to be delegated by the Board.

(2) The Board may delegate all or any part of the powers of the Corporation vested in or exercisable by the Board to the Management Committee.

(3) The Board shall, with the approval of the Minister, appoint the Chairman of the Corporation.

(4) The Board may appoint a Deputy Chairman of the Corporation."

Pindaan
seksyen 14.

9. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perenggan (f); dan

(b) dalam perenggan (k) dengan memotong perkataan "and regulations" yang terdapat selepas perkataan "bye-laws".

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 15. Pemotongan seksyen 15.

11. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan ", bye-laws and regulations" di mana-mana jua ia terdapat dengan perkataan "and bye-laws". Pindaan seksyen 17.

12. Perenggan 18(1)(b) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan ", bye-laws or regulations" yang terdapat selepas perkataan "rules" dengan perkataan "or bye-laws". Pmdaan seksyen 18

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong Jadual Kedua. Pemotongan Jadual Kedua.

14. Walau apa pun seksyen 10 dan 13 Akta ini, kaedah-kaedah Perbadanan yang terkandung dalam Jadual Kedua Akta ibu hendaklah, setakat yang ia tidak tak konsisten dengan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini, terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 14 Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini. Kecualian dan peralihan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan perkara-perkara permulaan, termasuk kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk menggantikan takrif tertentu dan untuk memasukkan takrif baru tertentu bagi ungkapan yang digunakan dalam Akta.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 3(4) Akta untuk menggantikan perkataan "Director" dengan perkataan "person".
5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 5 Akta untuk memperuntukkan bahawa pendapatan Perbadanan hendaklah terakru kepada Lembaga.
6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 7 Akta untuk memasukkan suatu kategori keanggotaan Perbadanan yang baru dan untuk menghapuskan sekatan atas keanggotaan.
7. *Fasal 7* bertujuan memotong seksyen 8 Akta untuk menghapuskan hak eksklusif Anggota Biasa.
8. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 12 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perwakilan kuasa pengurusan Lembaga kepada Jawatankuasa Pengurusan yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996, kuasa melantik, dengan kelulusan Menteri, seorang Pengerusi Perbadanan, dan kuasa melantik seorang Timbalan Pengerusi.
9. *Fasal 10 dan 13* bertujuan memotong seksyen 15 Akta dan Jadual Kedua masing-masing untuk membenarkan Perbadanan membuat apa-apa kaedah yang difikirkannya perlu bagi Pasaran Getah Malaysia di bawah seksyen 14.
10. Pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan berbangkit atau kecil.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U²)1916.]